

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, May 28, 2017 11:43 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: PEMBENTANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN USAHAWAN KREATIF UTARA (UCI)



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



02 Ramadhan 1438H bersamaan 28 Mei 2017

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

PEMBENTANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN USAHAWAN KREATIF UTARA (UCI)



Sebanyak enam buah kumpulan daripada lapan buah kumpulan di bawah program Kreatif Usahawan Utara (UCI) telah melakukan pembentangan perkembangan rancangan perniagaan mereka. Pembentangan para pelajar dari Pusat Pengajian Industri Kreatif (SCIMPA), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), dan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) ini telah berlangsung pada 9 Mei 2017 di Pusat Konvensyen Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM. Pembentangan ini adalah susulan daripada perkembangan setelah pelajar-pelajar ini menyertai bengkel ini di Pulau Pinang.



Secara umumnya, para pelajar ini telah mula menjalankan dan menguruskan perniagaan mereka walaupun sedang sibuk dengan pengajian mereka. Perancangan seterusnya bagi program UCI ini adalah para peserta UCI akan dipadankan dengan rakan industri yang sama dengan perniagaan mereka dan akan bepeluang melawat organisasi tersebut.



Menurut Pengarah Eksekutif Program UCI, Dr Mohamad Farhan Mohsin berkata, setiap kumpulan dan syarikat yang telah ditubuhkan oleh mereka perlu meningkatkan lagi dalam mempromosi perniagaan mereka. Setiap kumpulan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk terus maju dan bersaing dalam pasaran namun mereka masih baharu dan perlu bergiat aktif memasarkan perniagaan mereka terutamanya kepada warga UUM.



UCI adalah program pengalaman berasaskan 'dunia perniagaan sebenar' yang berupaya memberi pendedahan kepada bakal usahawan kepada konteks perniagaan bagi membolehkan mereka meningkatkan kemahiran secara spesifik serta memperkembangkan kerjaya mereka. Program yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi ini melalui kerjasama Institut Pembangunan Usahawan dan Koperasi (CEDI) dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS akan berjalan selama 12 bulan dan akan berakhir pada October 2017.

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail

is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.